PENDIDIKAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH
5227/1

# Gempur PQS Negeri Perlis Tahun 2024

# PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**Join SPM Study Group**
https://spmpaper.me/group

PERATURAN PEMARKAHAN

GEMPUR PQS NEGERI PERLIS

**BAHAGIAN A**

1. مد صلة قصير ة
2. راء ترقيق
3. 2 حركة
4. 4 @ 5 حركة
5. قلقلة كبر ى
6. مد لين
7. اصلي
8. ڤيليهن
9. وحي
10. حديث موقوف
11. وسطية
12. توبة
13. بيدڠ تفسير
14. مسنَد
15. احسان دالم عباد ة
16. ڤڠحرمتن
17. المتشابه
18. الحجة
19. الذَّنْبُ/ الإِثْمُ / السَّ يِئةُ
20. ممليهارا عالم ڤرسكيترن / منجاݢ سومبر عالم

## BAHAGIAN B

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1 | a | i | Intisari ayat ialah:<br>- Allah memerintahkan supaya kita menjauhi orang yang mempersendakan agama agar iman kekal terpelihara .<br>- Allah menjelaskan bahawa orang yang mempersendakan agama akan diazab kerana melakukan larangan Allah.<br><br>Mana-mana jawapan munasabah berpandukan ayat diterima. | 1 isi x 2 m = 2 m |
| | | ii | Dua akibat mempersendakan agama ialah:<br>- Allah akan memasukkan pelakunya ke dalam neraka kerana perbuatannya adalah haram.<br>- Hilang jati diri seorang muslim kerana tidak mengikut ajaran Islam yang sebenar.<br>- Maruah umat Islam akan tercemar kerana mengamalkan ajaran yang menyeleweng.<br><br>Mana-mana jawapan munasabah diterima. | 2 isi x 2 m = 4 m |
| | | iii | Dua pengajaran ayat ialah:<br>- Kita janganlah mempersendakan agama agar tidak menerima azab Allah.<br>- Kita mestilah menjauhi golongan yang mempersendakan agama agar kita tidak terpengaruh dengan perbuatan tersebut.<br><br>Mana-mana jawapan munasabah berkaitan ayat diterima. | 2 isi x 2 m = 4 m |
| | b | i | Sebab nuzul ayat ialah:<br>- Bilal bin Rabah telah naik ke atas kaabah untuk melaungkan azan semasa pembukaan kota Mekah.<br>- Beberapa orang sahabat mempertikaikan perkara tersebut kerana Bilal adalah bekas hamba dan berkulit hitam.<br>- Orang lain pula berkata ” Jika dia tidak layak, pasti Allah akan menggantikannya.” - Maka turunlah ayat. | 1 isi x 2 m = 2 m |

<table>
<tr><td></td><td></td><td>ii</td><td>Kepentingan menjaga perpaduan nasional dalam kehidupan masyarakat pelbagai kaum ialah:<br>- Mengelakkan terjadinya permusuhan antara kaum kerana berpunca daripada semangat perkauman.<br>- Menaikkan imej negara di mata dunia kerana negara berada dalam keadaan aman dan harmoni.<br><br>Mana-mana jawapan munasabah diterima.</td><td>1 isi x 2 m = 2 m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>iii</td><td>Perkara yang akan berlaku sekiranya generasi hari ini mengabaikan perpaduan dalam kehidupan seharian ialah:<br><table>
<tr><td>I</td><td>Kehidupan masyarakat tidak harmoni</td></tr>
<tr><td>H</td><td>Kerana tiada perpaduan antara kaum</td></tr>
<tr><td>HL</td><td>Hal ini menyebabkan negara menjadi tidak makmur.</td></tr>
<tr><td>D</td><td>Sebagaimana dalil,<br>“بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ”</td></tr>
<tr><td>HD</td><td>Dalil di atas menjelaskan bahawa negara yang baik akan mendapat rahmat daripada Allah.</td></tr>
<tr><td>R</td><td>Kesimpulannya, kita mestilah bersatu padu untuk membentuk negara yang harmoni.</td></tr>
</table><br>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>I - 1 m<br>H - 1 m<br>HL - 1 m<br>D - 1 m<br>HD - 1 m<br>R - 1 m<br><br>= 6 m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>2</td><td>a</td><td>i</td><td>Dua kelebihan orang yang menuntut ilmu ialah:<br>- Allah memudahkan jalan ke syurga.<br>- Malaikat sentiasa bersama-sama penuntut ilmu.<br>- Semua makhluk di langit, di darat dan di dalam air mendoakan keampunan untuk penuntut ilmu.<br>- Kelebihan orang yang berilmu adalah seperti bulan purnama.<br>- Orang yang berilmu ialah pewaris para nabi.</td><td>2 isi x 2 m<br>= 4 m<br>( tiad<br>hur n)</td></tr>
</table>

<table>
<tr>
<td></td><td></td><td>ii</td>
<td>Cara saya merealisasikan tuntutan hadis berkaitan ilmu dalam kehidupan ialah:<br><br>Fakta/ Isi yang diterima– Mengajar ilmu/ Menuntut ilmu/ Mendengar ilmu/ Mencintai ilmu/ Tidak mengabaikan ilmu<br><br>
<table>
<tr><td>I</td><td>Menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh</td></tr>
<tr><td>H</td><td>Supaya dapat menjadi seorang yang berilmu.</td></tr>
<tr><td>HL</td><td>Hal ini kerana menuntut ilmu amat dititikberatkan dalam Islam.</td></tr>
<tr><td>D</td><td>Sebagaimana dalil,<br>" طلب العلم فريضة على كل مسلم ".</td></tr>
<tr><td>HD</td><td>Dalil di atas menjelaskan bahawa umat Islam diwajibkan untuk menuntut ilmu.</td></tr>
<tr><td>R</td><td>Kesimpulannya, kita mestilah mencintai ilmu agar menjadi mukmin yang cemerlang dunia dan akhirat.</td></tr>
</table>
<br>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td>
<td>I - 1 m<br>H - 1 m<br>HL - 1 m<br>D - 1 m<br>HD - 1 m<br>R - 1 m<br><br>= 6 m</td>
</tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | b | i | Maksud naungan Allah ialah:<br>- Kesejahteraan, keselamatan dan limpahan rahmat yang diberikan kepada tujuh golongan istimewa/ daripada panas terik matahari yang sangat dekat dengan kepala manusia/ atau azab di Padang Mahsyar. | 1 isi x 2 m = 2 m |
| | | ii | Dua golongan yang mendapat naungan Allah pada hari kiamat ialah:<br>- Pemimpin yang adil.<br>- Pemuda yang mengabdikan diri untuk Allah.<br>- Golongan yang menangis ketika mengingati Allah.<br>- Lelaki yang hatinya terpaut pada masjid.<br>- Dua lelaki yang mencintai kerana Allah.<br>- Golongan yang menjaga kehormatan diri.<br>- Golongan yang bersedekah secara sembunyi. | 1 isi x 2 m = 2 m |
| | | iii | Dua hikmah Islam menggalakkan amalan sedekah ialah:<br>- Mengikis sifat bakhil dalam diri agar menjadi hamba yang bersyukur.<br>- Dapat membantu orang yang memerlukan agar masyarakat hidup harmoni.<br><br>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2 isi x 2 m = 4 m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | iv | Pengajaran hadis ialah:<br>- Kita mestilah menjaga kehormatan diri agar maruah diri terpelihara.<br>- Kita perlulah sentiasa melakukan solat berjemaah di masjid supaya mendapat naungan Allah di hari akhirat.<br><br>Mana-mana jawapan munasabah berkaitan hadis diterima. | 1 isi x 2 m = 2 m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 3 | a | i | Dua bidang ulum Al-Quran ialah:<br>- Qiraat<br>- Asbab Nuzul<br>- Fadhail Al-Quran<br>- Tafsir dan Takwil<br>- Al-Nasikh dan Al-Mansukh<br>- Al-Muhkam dan Al-Mutasyabih | 1 isi x 2 m = 2 m |
| | | ii | Akibat pengabaian terhadap ulum Al-Quran ialah:<br>- Gagal menangkis keraguan-keraguan/ yang dilemparkan oleh musuh-musuh Islam terhadap AlQuran.<br>- Kurang menghargai pengorbanan para ulama' silam/ dalam mempertahankan kesucian Al-Quran.<br><br>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 1 isi x 2 m = 2 m |
| | | iii | Pengertian ilmu Tafsir ialah:<br>- Satu bidang ilmu yang membincangkan dan menjelaskan kehendak Allah yang tersirat di dalam kitabNya/ menurut keupayaan manusia, mengandungi ilmu-ilmu yang ada hubungan dengannya untuk memahami makna dan kehendak Allah. | 1 isi x 2 m = 2 m |
| | | iv | Dua metodologi penulisan Tafsir Al-Azhar ialah:<br>- Menggabungkan Tafsir bil Ma'thur dan Tafsir bir Rakyi<br>- Menggunakan metodologi sejarah, antropologi dan sosiologi<br>- Mengikut corak sastera budaya kemasyarakatan (AlAdabi Al-Ijtimaie)<br>- Mengemukakan dalam bahasa yang mudah difahami | 2 isi x 2 m = 4 m |

<table>
<tr><td></td><td>b</td><td>i</td><td>Pengertian hadis Hasan ialah:<br>- Hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang adil, bersambung sanad, tidak ada syaz dan tidak ada ’illah tetapi kurang sempurna dari segi dhobit.</td><td>1 isi x 2 m<br>= 2 m<br>( sekurangkurangnya 3<br>syarat dapat 1 markah)</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>ii</td><td>Hukum beramal dengan hadis Hasan ialah:<br>- Boleh beramal dan berhujah.</td><td>1 isi x 2 m = 2 m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>iii</td><td>Penghayatan terhadap hadis Sohih dapat memelihara akidah umat islam kerana:
<table>
<tr><td>I</td><td>Memandu akidah ke jalan kebenaran</td></tr>
<tr><td>H</td><td>Kerana hadis merupakan sumber syariat Islam yang kedua.</td></tr>
<tr><td>HL</td><td>Kesannya, umat Islam akan terselamat daripada penyelewengan akidah.</td></tr>
<tr><td>D</td><td>Sebagaimana dalil,<br>"... تركت فيكم أمرين"</td></tr>
<tr><td>HD</td><td>Dalil di atas menjelaskan bahawa umat Islam mestilah berpegang kepada Al-Quran dan AlSunnah supaya tidak sesat.</td></tr>
<tr><td>R</td><td>Kesimpulannya, kita mestilah mengamalkan hadis sohih dalam kehidupan agar hidup sentiasa diberkati oleh Allah.</td></tr>
</table>
Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>I - 1 m<br>H - 1 m<br>HL - 1 m<br>D - 1 m<br>HD - 1 m<br>R - 1 m<br><br>= 6 m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 4 | a | i | Pengertian Islam ialah:<br>- Kepatuhan kepada perintah-perintah dan laranganlarangan Allah SWT,/melalui syariat yang dibawa oleh Rasulullah SAW. | 1 isi x 2 m = 2 m |
| | | ii | Usaha yang boleh dilakukan oleh masyarakat untuk mengamalkan Islam sebagai Ad-Din ialah:<br>- Menganjurkan perkampungan Sunnah untuk menyebarkan ilmu tentang syariat Islam.<br>- Menjauhi perbezaan dalam perkara cabang agar tidak berlaku perpecahan dalam masyarakat.<br><br>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 1 isi x 2 m = 2 m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | iii | Pengertian dosa besar ialah:<br>- Dosa yang disebut dalam Al-Quran dan Hadis/ serta diakhiri sebutannya dengan ancaman api neraka atau mendapat kemurkaan dan seksaan Allah SWT. | 1 isi x 2 m = 2 m |
| | | iii | Usaha saya untuk meningkatkan keimanan melalui konsep dosa dan pahala ialah:<br>- Sentiasa melakukan amal soleh berserta niat yang ikhlas sebagai bukti keimanan kepada Allah SAW.<br>- Sentiasa bertaubat kepada Allah apabila melakukan kesilapan atau dosa.<br><br>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2 isi x 2 m = 4 m |
| | b | i | Pengurusan jenazah ialah:<br>- Segala aktiviti yang dilakukan untuk menguruskan jenazah bermula daripada memandikan, mengafankan, mensolatkan hingga mengebumikan jenazah mengikut cara tertentu. | 1 isi x 2 m = 2 m |
| | | ii | Kepentingan pengurusan jenazah terhadap negara ialah:<br><br>- Melahirkan generasi muda yang boleh menguruskan jenazah supaya dapat memenuhi tuntutan fardhu kifayah.<br>- Membentuk negara yang harmoni kerana masyarakat bekerjasama dalam pengurusan jenazah<br>- Menyediakan prosedur standard operasi (SOP) bagi pengurusan jenazah yang berkaitan dengan penyakit berjangkit agar dapat diuruskan dengan selamat dan lancar.<br>Mana-mana jawapan munasabah diterima. | 1 isi x 2 m = 2 m |

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>iii</td>
<td>Hikmah Islam menitikberatkan ikhtilat dalam kehidupan ialah:
<table>
<tr><td>I</td><td>Mengelakkan berlakunya maksiat</td></tr>
<tr><td>H</td><td>Kerana menjaga batas pergaulan antara lelaki dan perempuan</td></tr>
<tr><td>HL</td><td>Hal ini demikian kerana pergaulan bebas boleh menjerumuskan seseorang ke lembah zina.</td></tr>
<tr><td>D</td><td>Sebagaimana dalil,<br>“ولا تقربوا الزنا”</td></tr>
<tr><td>HD</td><td>Dalil di atas menjelaskan bahawa kita hendaklah menjauhi perkara-perkara yang boleh membawa kepada zina.</td></tr>
<tr><td>R</td><td>Kesimpulannya, kita mestilah menjaga ikhtilat supaya menjadi muslim yang sejati.</td></tr>
</table>
Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td>
<td>I - 1 m<br>H - 1 m<br>HL - 1 m<br>D - 1 m<br>HD - 1 m<br>R - 1 m<br><br>= 6 m</td>
</tr>
</table>

**-TAMAT-**